



**PELAPORAN PROGRAM DI BAWAH
GERAN SUMBANGAN SKUM (GSS)
TAHUN 2023**

Penerangan:

- a) Laporan dan salinan dokumen berkaitan perlu dikemukakan kepada Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM) **dalam tempoh 14 hari bekerja selepas program selesai dilaksanakan.**
- b) Laporan boleh dikemukakan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
- c) Kegagalan menghantar laporan dalam tempoh masa yang ditetapkan menyebabkan permohonan pada masa hadapan daripada institusi pemohon **TIDAK AKAN** dipertimbangkan. Senarai nama institusi pemohon serta nama pemohon yang gagal mengemukakan laporan program serta laporan kewangan tanpa sebarang justifikasi kukuh akan dipaparkan di laman web rasmi SKUM.

Nama/Agensi Pelaksana	: Fakulti Sains Sosial Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin, UniSZA
Nama Program	: Program Kelestarian Warisan & Sosio-Budaya: Revolusi Pembuatan Seni Tembaga Asli Terengganu
Tarikh Program	: 1 April – 30 September 2023 (Jangkamasa Projek) 16 & 17 September 2023 (Sabtu & Ahad) - Program
Lokasi Program	: Pusat Kelestarian Komunikasi Warisan & Sosio-Budaya, Kumpulan Penyelidikan Warisan & Sosio-Budaya Fakulti Sains Sosial Gunaan, UniSZA

BAHAGIAN A: LAPORAN PENILAIAN PROGRAM

Laporan penilaian program perlulah merangkumi perkara berikut:

1. Ringkasan program

Pembuatan tembaga secara tradisional merupakan salah satu cabang kraftangan yang popular di Terengganu khususnya di Kuala Terengganu. Barangan tembaga merupakan barangan kegunaan harian sejak turun temurun yang diwarisi setiap generasi sehingga kini. Ianya juga merupakan salah satu produk kebanggaan negeri Terengganu selain daripada songket dan batik. Namun dengan arus pembangunan penghasilan produk tembaga semakin berkurangan dan sekiranya tidak diwarisi cara pembuatannya maka tidak mustahil ianya akan pupus dan tidak diminati oleh generasi kini dan akan datang.

Walaupun kesinambungan proses dan teknik penuangan tembaga Terengganu semakin dilupakan dan pupus dalam penghasilannya, inilah yang terdapat pada hari ini usaha tanggungjawab komuniti ini untuk menyebarkan seni warisan kepada generasi muda atau belia di beberapa kawasan seperti di Malaysia, Indonesia dan Brunei.

Dari sudut sejarah pembuatan perkakasan tembaga Terengganu, Kampung Ladang merupakan tempat yang terkenal dengan pembuatan barangan tembaga dan di situlah terletak banyak bengkel pembuatan tembaga di Negeri ini. Tetapi, oleh kerana atas dasar pembangunan, kebanyakan pembuat produk tembaga telah berpindah ke tempat yang baharu iaitu di Kampung Pulau Kerengga, Marang atau ada yang telah menutup sepenuhnya operasi mereka lantaran tiada generasi penyambung dalam industri ini. Salah seorang pengusaha yang masih lagi mengusahakan perusahaan ini ialah Encik Salleh Mohd atau dikenali dengan gelaran Pak Leh oleh masyarakat setempat (adiguru kraftangan malaysia - tembaga) telah mengendalikan perusahaan barangan tembaga sejak muda lagi, walaupun beliau telah dimamah usia namun semangat untuk meneruskan tradisi ini patut dipuji dan diberi perhatian agar warisan ini tidak terus terkubur – beliau sendiri telah mewarisi kemahiran dan mendapat latihan serta tunjuk ajar daripada ayah beliau sendiri. Pak Leh juga mempunyai kedai di Pasar Kedai Payang, Kuala Terengganu.

Justeru bagi menjayakan kelestarian seni penghasilan produk tembaga Terengganu seterusnya menjayakan Pelan Strategik Kelestarian Pelancongan Negeri Terengganu 2021-2025 yang mana pelan tersebut merangkumi lima teras, 23 strategi, 69 pelan tindakan dan 184 taktik yang ditetapkan sebagai hala tuju industri pelancongan negeri itu dalam tempoh lima tahun. Justeru, usaha bagi program kelestarian warisan & sosio-budaya: revolusi pembuatan seni tembaga asli Terengganu tercetus besama dalam memperkasa komuniti setempat terutamanya belia rentan. konsep Tanggungjawab Sosial Komuniti (CSR) telah menjadi suatu elemen penting memperkasa komuniti kerana ianya mampu mengubah aspek sosi-budaya, ekonomi dan tata kelola yang baik. Perbincangan CSR ini pada awalnya merujuk kepada tahap pengaruh serta penerimaan manfaat yang optimum hasil inisiatif yang membantunya kekal dalam perbincangan hingga ke hari ini. Selain itu, CSR juga dianggap sebagai satu inisiatif berkelompok dan berpotensi dalam menggerakkan pembangunan dan kelestarian hidup manusia CSR menjadi isu penting di Malaysia dengan perlaksanaan jaringan keselamatan sosial untuk memastikan semua golongan dibantu. Tuntutan ini membayangkan bahawa CSR yang mengamalkan isu-isu yang berkaitan dengan pihak pemegang taruh adalah popular di dalam komuniti Malaysia terutamanya golongan komuniti setempat. Aktiviti CSR yang berkaitan dengan masyarakat kebanyakannya dilaporkan penting dan mampu memberikan impak terhadap pembangunan pemberi dan penerima perkhidmatan dalam komuniti yang sama agar manfaat dapat dikongsi bersama-sama.

2. Perkaitan program kepada bidang kompetensi UNESCO dan SDG

Idea Hero Community SDG: Impak Perlaksanaan dan Kaedah Pengukuran

Perpindahan ilmu adalah proses interaksi antara pemberi dengan penerima yang lain. Ia adalah proses yang tidak boleh disekat memandangkan sifat ilmu itu sendiri yang terus berkembang dan mengalami perubahan dari masa ke masa. Kemajuan sains dan teknologi yang kita kecapai sekarang adalah hasil daripada proses perpindahan ilmu yang terus berlaku dan akan terus berlaku. Pengaruh perkembangan budaya ke atas masyarakat Malaysia adalah banyak antaranya perubahan, pendidikan, perindustrian, ekonomi dan tata kelola yang baik. Antara faktor yang menyebabkan perkembangan pesat masyarakat kita pada satu ketika

dahulu di antaranya ialah usaha melestarikan adat budaya serta warisan turun temurun bangsa kita. Senario ini menunjukkan betapa luasnya pengaruh kebudayaan dan sumbangannya terhadap dunia. Oleh sebab itu seharusnya kita menyedari betapa pentingnya kita mempelajari dan memahami seni warisan kita agar tidak lapuk dek hujan tidak lekang dek panas. Kesan daripada itu, berlakulah proses perpindahan ilmu yang menyaksikan warisan dan budaya mampu dipertahankan sebagaimana kita kenali pada zaman moden ini. Dorongan perpindahan ilmu terdiri sama ada bersifat keagamaan, keduniaan mahupun dorongan materialistik dan politik. Masyarakat yang menerima proses perpindahan ilmu berpeluang menikmati kemajuan dalam bidang sains dan teknologi di samping menikmati taraf kehidupan yang lebih baik berbanding sebelumnya.

Dilihat dari sudut fungsi emas, perak dan kuprum adalah merupakan logam yang terawal diketahui digunakan oleh manusia untuk membuat barang-barang perhiasan. Logam ini tidak hanya untuk dijadikan alat-alat perkakas ataupun senjata. Justeru itu memerlukan logam campuran (alloys) yang diperolehi dari gabungan logam berkembang di dalam sejarah awal manusia. Logam campuran yang mula-mula diketahui ialah gangsa yang telah digunakan oleh manusia purba lebih kurang empat ribu tahun lampau. Gangsa ialah hasil daripada campuran kuprum dengan timah yang digunakan untuk membuat alat-alat perkakas, senjata dan tempat menyimpan air. Pembuatan barang-barang tembaga secara tradisional di Negeri Terengganu Darul Iman dilakukan secara penghapusan lilin kerana lilin digunakan sebagai ruangan yang kosong pada acuan itu apabila dibakar dan digantikan dengan menuang cecair tembaga. Penghasilannya dan kemahiran yang rumit dan memerlukan ketelitian menjadi penghasilan semakin menjadi kurangnya generasi muda untuk terlibat lantaran kemahiran ini semakin pudar dalam masyarakat.

Keperluan dan program pelaksanaan secara holistik SDGs di peringkat akar umbi merupakan pendekatan terbaru berkonsepkan “Community Hero” (Hero Komuniti dalam Pemindahan Ilmu) bagi memperkasakan golongan sasaran. Agenda perubahan berkaitan SDGs secara umumnya disalah tafsir sebagai program yang mempunyai agenda politik, keterbatasan penglibatan komuniti di peringkat dasar, tiada keseragaman pelaksanaan dan seterusnya meletakkan penajajaran sasaran yang tidak munasabah. Tambahan pula, kekurangan pengumpulan data yang konsisten terutama di beberapa negara masih menjadi cabaran utama bagi memperolehi input

saintifik. Kekeliruan di kalangan pemegang taruh di peringkat akar umbi ini telah diterjemahkan kembali menerusi pengenalan inisiatif “Localizing SDGs” (atau dikenali sebagai Penyetempatan SDGs mengikut keperluan setempat). Inisiatif yang diperkenalkan bukanlah program baru atau inisiatif yang di luar konteks SDGs itu sendiri tetapi merupakan perancangan tempatan dalam mengurus serta melaksanakan SDGs berdasarkan acuan sosio-budaya, kegiatan ekonomi dan gaya hidup masyarakat setempat. Sebagai contoh, beberapa negara mundur dan sedang membangun tidak meletakkan teknologi sebagai pra-syarat perlaksanaan indikator/elemen di dalam SDGs, tetapi mengubahsuai inisiatif perlaksanaan menepati keperluan sosio-ekonomi setempat dan transformasi di peringkat pelaksanaan terutama melibatkan penglibatan masyarakat umum. Akhirnya, kesemua indikator ini tetap menjurus kepada perubahan nilai, kumulatif impak dan sumbangan terhadap setiap elemen SDGs. Hal yang sama juga sedang dirangka menerusi penglibatan institusi pengajian tinggi, terutamanya Universiti Sultan Zainal Abidin, UniSZA di bawah Fakulti Sains Sosial Gunaan dan Pusat Kelestarian Warisan dan Sosio-budaya dalam membangunkan agenda kelestarian warisannya melalui pementakan lembaga Terengganu. Proses membangunkan dan memperkasakan golongan rentan melalui inisiatif SDGs di kampus UniSZA bukan hanya menumpukan kepada bidang kewajaran membina perpindahan ilmu mengenai kelestarian seni warisan dan budaya, malah telah menggunakan kerangka daripada pelan pemulihan pelancongan dan kebudayaan bagi membolehkan ekonomi negara pulih dengan segera akibat wabak pandemik COVID-19 dan kesenjangan ekonomi yang melibatkan kesemua pemegang taruh di UniSZA dan komuniti sekeliling. Antaranya ialah UniSZA akan memulakan semula atau ‘rebound’ dalam membantu industri pelancongan dan kebudayaan negara, strategi-strategi awal pelan pemulihan pelancongan dan kebudayaan telahpun dikenalpasti dalam membantu meringankan beban penggiat industri pelancongan menangani impak wabak pandemik COVID-19 untuk kembali bangkit. Setiap tahun, pihak universiti akan membuat pengubahsuaian semula (revisiting) terutama melibatkan kuantitatif nilai, impak dan signifikasi serta relevan input berdasarkan perkembangan semasa. Ini melibatkan struktur polisi, pendidikan, penyelidikan, operasi, komuniti dan kewangan yang merangkumi beberapa pencapaian yang diukur menerusi indeks Key Amal Indicators (KAIs). Menerusi pengalaman berbeza bermula tahun 2020, kami mendapati pendekatan memperkasakan komuniti melalui SDGs di dalam

perancangan strategik universiti akan mengukuhkan keperluan jangka sederhana dan panjang, terutama melibatkan struktur governans, kewangan dan operasi. Tindakan awal yang dilaksanakan oleh UniSZA ini berupaya memberikan nilai tambah terhadap pelan strategik universiti dengan menggunakan kerangka SDGs menerusi pemilihan indikator, elemen, nilai dan impak, serta konstruktif analisa mengikut sektor. Justeru, sepatutnya pihak institusi pendidikan tinggi Malaysia mengambil langkah proaktif dalam pembudayaan SDGs tanpa membataskan pengukuran sepertimana yang dimaktubkan dalam Persidangan UN.

3. Faedah dan impak pelaksanaan program termasuk maklum balas daripada komuniti, peserta dan lain-lain

Kesukaran yang dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah dan kurang bernasib baik, berikutan daripada kenaikan kos sara hidup, memang telah sedia maklum oleh semua pihak. Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pihak sama ada swasta, NGO dan kerajaan dalam usaha mengurangkan beban golongan berkenaan dalam menghadapi situasi ini. Malahan usaha mengurangkan kesan kenaikan kos sara hidup bagi golongan tersebut termasuk golongan rentan dibuat menerusi Jaringan Keselamatan Sosial (JKS), yang telah diperbesar di bawah Bajet 2019. Apa itu Jaringan Keselamatan Sosial. Masih ramai di kalangan kita kurang pasti apa yang dimaksudkan dengan Jaringan Keselamatan Sosial itu sendiri. Program Jaringan Keselamatan Sosial bertujuan menentukan segenap lapisan masyarakat di negara ini tanpa mengira status ekonomi menjalani kehidupan yang selesa dan mendapat manfaat daripada pembangunan negara. Program Kelestarian Warisan & Sosio-budaya merupakan aktiviti penyampaian komunikasi warisan (Heritage Communication) kepada generasi muda dalam membentuk minat dan mewarisi kemahiran seni budaya kearifan tempatan bagi melestarikan kesenian tersebut. Warisan seni pembuatan tembaga ini tidak harus ketinggal dalam memastikan variasi seni tampak ini terus terkubur lantaran kurangnya minat generasi kini melestarikan produk tradisi tersebut. Untuk menjayakan program ini, golongan belia terpilih akan dilatih dan diberi pendedahan mengenai teknik dan revolusi pembuatan tembaga terengganu yang mampu dikomersialkan setanding produk logam perhiasan dan kegunaan lain seperti emas, perak dan logam lain. Penghasilan dan kejayaan produk Pewter di Selangor akan dijadikan penanda aras dalam menjayakan program ini. Di samping itu ianya mampu untuk meningkatkan keternampakan produk seni,

budaya dan warisan Terengganu dan memberi keuntungan lumayan kepada para pemain industri pelancongan Terengganu. Bagi memastikan usaha ini berjaya maka, pihak kumpulan penyelidik Warisan & Sosio-Budaya Universiti Sultan Zainal Abidin, menganjurkan program pemerksaan belia melalui program ini dengan pendekatan meremajakan semula sektor seni, budaya dan warisan Terengganu sekaligus memberi nafas baharu kepada penghasilan produk tembaga yang bersifat konvensional, tidak menarik, dan tidak kreatif. Impak daripada Program ini kepada pemain industri pelancongan seni, budaya dan warisan Terengganu melalui pemerksaan dan kemahiran baharu revolusi penghasilan yang lebih mudah, murah dan mesra alam sekitar di mana ianya boleh dilihat sebagai pemacu yang berkesan dalam mengubah metod penghasilannya yang tidak efektif dan ketinggalan dalam menghasilkan produk seni, budaya dan warisan Terengganu kepada pengusaha dan sekaligus menarik kedatangan pelancong di negeri ini.

Maklum balas daripada para peserta menyatakan program sebegini mampu membantu dalam melestarikan pembangunan Tembaga Terengganu dan mampu meningkatkan sumber pendapatan mereka. Di samping itu, rata-rata peserta berpuas hati dengan konten dan penyampaian yang telah dianjurkan disediakan. Manakala maklum balas daripada tenaga pengajar menyatakan kebanyakan peserta mampu mengikuti modul dengan baik dan ada juga dari kalangan peserta mampu menguasai kemahiran aras tinggi dan mampu menjadi pengusaha seni ini di masa hadapan. Terima Kasih Suruhanjaya UNESCO Malaysia!!!

4. Cabaran yang dihadapi sebelum, semasa dan selepas program serta penyelesaian

CABARAN	PENYELESAIANNYA
Sebelum: Pengumpulan peserta yang ramai dan berdasarkan minat sukar untuk diperolehi	Melalui Persatuan dan mahasiswa yang berminat maka isu ini dapat di selesaikan
Semasa: Keadaan bengkel yang kuarng selesa melambatkan beberapa sesi Latihan	Latihan dilakukan secara hibrid (online dan bersemuka) mampu mengatasi

	keadaan semasa bagi menjalankan sesi latihan
Selepas: Kekangan bajet untuk meneruskan program susulan dan sumber keewangan	Perlu bajet tambahan dengan mengeluarkan bajet sendiri lantaran ada beberapa perkara perlu kepada tambahan balanja mengurus

5. Cadangan kelangsungan program pada masa akan datang

Cadangan kelangsungan program "Kelestarian Warisan & Sosio-Budaya: Revolusi Pembuatan Seni Tembaga Asli Terengganu" adalah suatu inisiatif yang sangat penting untuk memastikan kesinambungan dan pelestarian seni pembuatan tembaga tradisional Terengganu. Untuk memastikan program ini berjaya dalam jangka masa panjang, anda boleh mempertimbangkan beberapa langkah berikut:

Pendidikan dan Pelatihan Berterusan: Pastikan terdapat program pendidikan dan pelatihan berterusan untuk golongan belia dan komuniti setempat dalam seni pembuatan tembaga. Ini boleh termasuk kursus, bengkel, dan latihan praktikal yang diajar oleh pakar-pakar dalam industri.

Pembiayaan dan Sokongan Kewangan: Cari sumber pembiayaan jangka panjang untuk program ini. Ini boleh melibatkan penyediaan bantuan kewangan kepada pengusaha seperti Encik Salleh Mohd (Pak Leh) dan juga kepada golongan belia yang ingin meneruskan tradisi ini.

Promosi dan Pemasaran: Gunakan platform digital dan media sosial untuk mempromosikan produk tembaga Terengganu kepada pasaran tempatan dan antarabangsa. Kekuatan media sosial dapat membantu meningkatkan kesedaran tentang seni tembaga ini.

Kolaborasi dengan Institusi Pendidikan: Jalin kerjasama dengan institusi-institusi pendidikan tempatan untuk memasukkan seni tembaga sebagai bahagian daripada kurikulum mereka. Ini dapat memastikan pengetahuan dan kemahiran ini disampaikan kepada generasi muda.

Inovasi dalam Penghasilan Produk: Dorong inovasi dalam penghasilan produk tembaga. Ini termasuk penggunaan reka bentuk moden dan teknologi untuk meningkatkan mutu dan daya tarikan produk.

Pertunjukan dan Pameran Seni: Anjurkan pertunjukan seni dan pameran produk tembaga untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang seni ini. Ini juga boleh menjadi platform untuk penjualan produk.

Program CSR: Terus memfokuskan pada konsep Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) sebagai elemen penting dalam memperkasa komuniti. CSR boleh melibatkan pelbagai inisiatif yang membantu dalam pembangunan ekonomi, sosial, dan budaya komuniti setempat.

Pemantauan dan Penilaian: Pantau dan nilai kesan program secara berkala. Matlamat dan objektif program ini harus sentiasa dinilai dan disesuaikan mengikut perkembangan semasa.

Hubungan Antarabangsa: Pertimbangkan untuk mengembangkan pasaran di luar Malaysia, terutamanya di negara seperti Indonesia dan Brunei, dengan memanfaatkan perjanjian perdagangan dan promosi seni dan budaya Malaysia di peringkat antarabangsa.

Kesedaran Terhadap Kelestarian Warisan: Selain daripada melatih dalam penghasilan produk tembaga, penting juga untuk memupuk kesedaran tentang nilai kelestarian warisan dan sosio-budaya tempatan dalam kalangan masyarakat, terutamanya golongan muda.

Dengan melaksanakan langkah-langkah ini, program ini akan memiliki peluang yang lebih besar untuk berjaya dalam menjayakan kelestarian seni pembuatan tembaga Terengganu dan menyumbang kepada perkembangan ekonomi dan kebudayaan negeri Terengganu.

BAHAGIAN B: LAPORAN KEWANGAN

1. Peruntukan yang diterima:

Sumber Peruntukan	Jumlah(RM)
Geran Sumbangan SKUM (GSS) Tahun 2021	RM 6,903.00
Lain-lain (sekiranya ada):	
a) Bajet tambahan penyelidikan	RM96.70
TOTAL	RM7,000.00

2. Pecahan Perbelanjaan:

(sila sertakan salinan bukti pembayaran/resit yang telah disahkan)

Bil.	Perkara	Tarikh Resit (dd/mm/yyyy)	Jumlah (RM)
1..	Sewaan Peralatan • Acuan Penghapusan Lilin (RM500) • Lebur/Menuang (RM500) • Mencuci/Menggilap (RM500) • Logam Tembaga (RM1500) • Set Canopy (RM500 x 2 hari) • Modul Kraftangan Malaysia (RM499)	028969 03/08/2023 2079 03/08/2023 0000291 03/08/2023 125197 09/05/2023	RM4,500.00
2.	Bayaran Profesional Jurulatih Kraftangan Malaysia (Tembaga) 14 jam x RM150 sejam = RM2,100	193637 29/09/2023	RM2,100.00
3.	Makan Minum Semasa Bengkel Tembaga Sarapan Pagi (RM51.50) Makan Tengahari (RM200) Minum Petang (RM51.50)	FA6796155	RM 303.00
Jumlah perbelanjaan			RM6,903.00

BAHAGIAN C: PENGESAHAN

Dengan ini disahkan bahawa laporan dan dokumen yang dihantar adalah lengkap dan menepati kriteria-kriteria pelaporan yang ditetapkan oleh SKUM.

Disediakan oleh,


.....

(PROF. MADYA DR. MUHAMAD FAZIL BIN AHMAD)


Tandatangan & Cop Rasmi

Tarikh : 1/10/2023

PROF. MADYA DR. MUHAMAD FAZIL AHMAD

PENSYARAH
FAKULTI SAINS SOSIAL GUNAAN
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
KAMPUS GONG BADAK
21300 KUALA NERUS
TERENGGANU DARUL IMAN

BENGKEL DAN PROGRAM PENGHASILAN TEMBAGA TERENGGANU









INTERNATIONAL Art Exhibition

TOKYO - K. TERENGGANU - SEOUL - TAIPEI - BANGKOK

The 4th Industrial Revolution, based on digital technologies such as artificial intelligence, AR, VR, and Big Data, is already deeply permeating human life in the 21st century. In particular, the pandemic that has threatened the global village over the past three years has further accelerated this situation. The non-face-to-face communication method is gradually losing the warm humanity that could be felt face-to-face. In this situation, empathy to feel together and share feelings is an invaluable communication element in understanding and sympathizing with the other person more deeply. Communication Beyond Arts (CBA) 2023 expects empathetic works that can lead to true communication by understanding each other's culture and art through true "Empathy"

16-22 Sept 2023

MORE INFORMATION: +60 19-982 9400 (FAZIL)
 Organised By: RG Heritage, Sociocultural & Indigenous

@Art Gallery UnisZA
artgallery.unisza.edu.my






CLOSING CEREMONEY INTERNATIONAL Art Exhibition

TOKYO - K. TERENGGANU - SEOUL - TAIPEI - BANGKOK

22 Sept 2023
2:30pm

@Art Gallery UnisZA
artgallery.unisza.edu.my



MORE INFORMATION: +60 19-982 9400 (FAZIL)
 Organised By: RG Heritage, Sociocultural & Indigenous



Wacana Seni
Warisan Sosiobudaya dan Pribumi
Seni Kraf Logam Motif & Teknik
16-17 SEPTEMBER 2023



BENGKEL INI DISAMPAIKAN OLEH
(PENGARANG BUKU SENI KRAF LOGAM)
INSTITUT KRAF NEGARA

Ilmu Demi
Faedah Insan
KNOWLEDGE FOR THE BENEFIT OF HUMANITY

Wacana Seni Membuat Tembaga Terengganu



Set Gamelan Tembaga Perunggu Kuning @Art Gallery UniSZA



Peserta disamping Koleksi Tembaga



Taklimat berkaitan Tembaga Terengganu bersama Pelajar dari Indonesia



Taklimat berkaitan Tembaga Terengganu bersama Pelajar dari Indonesia



Bersama Pemilik Bengkel & Suasana Bengkel Tembaga



Suasana Bengkel Tembaga



Suasana Bengkel Tembaga



Suasana Bengkel Tembaga



Suasana Bengkel Tembaga



Acuan Tembaga



Proses Melerai Tembaga dari acuan

PENGHASILAN PRODUK TEMBAGA











Perasmian Galeri UniSZA oleh

YAM Tengku Puteri Utama Raja Tengku Nadhirah Zaharah



Sesi Penutupan Bengkel

SENARAI NAMA PENERIMA MANFAAT YANG TERLIBAT SECARA LANGSUNG

TEMBAGA TERENGGANU

PROJEK SURUHANJAYA KEBANGSAAN UNESCO MALAYSIA

Kod Rujukan Projek: UniSZA/2023/PPL/UNESCO(044)

1. Mohd Zul B. Ishak	620824 03 5407
2. Razali B Abdul Rahim	820801 06 5327
3. Abu Bakar Mt Isa	680601 11 5009
4. Mazlan Ismail	690514 11 5077
5. Abd. Hadi bin sulong	711001 11 5047
6. Mohd. Khairul Khari b. Abdullah	830714 11 5073
7. Yusoff bin Mamat	700818 11 5195
8. Abdul Wahab Mohamad	650404 06 5463

SURAT KELULUSAN PENDAFTARAN PROJEK



يونيسا
UniZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN



Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan | Center for Research Excellence & Incubation Management (CREIM)

Rujukan Kami : RM009

Bertarikh : 7 September 2023

Prof. Madya Dr. Muhamad Fazil bin Ahmad
Pensyarah
Fakulti Sains Sosial Gunaan
UniZA Kampus Gong Badak

YBrs. Dr,

KELULUSAN PENDAFTARAN PROJEK PENYELIDIKAN LUAR (PPL)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan Pusat Pengurusan Kecemerlangan & Inkubator Penyelidikan (CREIM) telah menerima permohonan pendaftaran YBrs. Dr. sebagai Ketua Projek bagi menjalankan Projek Penyelidikan Luar bersama Suruhanjaya Kebangsaan UNESCO Malaysia (SKUM).

3. Sehubungan itu, CREIM **meluluskan** pendaftaran tersebut sepertimana butiran berikut:

Kod Rujukan Projek	: UniZA/2023/PPL/SKUM(053)
No. Projek	: RM009
Kategori Geran	: Geran Agensi Kerajaan
Tajuk Projek	: Program Kelestarian Warisan & Sosio-Budaya: Revolusi Pembuatan Seni Tembaga Asli Terengganu
Jumlah Peruntukan	: RM6,903.00
Tempoh Penyelidikan	: 1 April 2023 – 30 September 2023 (6 bulan)



4. YBrs. Dr. juga dikehendaki mengemukakan **laporan akhir dalam tempoh tiga bulan dari tarikh tamat projek menggunakan format yang ditetapkan oleh pihak CREIM.**

5. Pihak UniSZA merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan mendoakan YBrs. Dr. dapat menjalankan penyelidikan dengan jayanya dalam tempoh yang ditetapkan.

Segala perhatian dan kerjasama daripada YBrs. Dr. didahului dengan ucapan terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

'Ilmu dan Akhlak'

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. TS. DR. MOKHAIRI BIN MAKHTAR)
Pengarah

s.k.: - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
- Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pembangunan), FSSG
- Bendahari (Mohon buka no. projek RM009 dan salurkan duit berjumlah RM6,903.00 dari akaun bendahari UniSZA ke no. projek tersebut)

RESIT PEMBAYARAN



NORAZITA IBRAHIM <norazita@unisza.edu.my>

Makluman Pembayaran

4 messages

bendahari-efit@unisza.edu.my <bendahari-efit@unisza.edu.my>
To: norazita@unisza.edu.my

Wed, Sept 29, 2023 at 8:08 PM

CHE MUSTAFFA BIN CHE IBRAHIM

DATE : 12/ 9/2023

Tuan/Puan,

Perkara: MAKLUMAN PEMBAYARAN 'ELECTRONIC FUND TRANSFER'

Sukacita dimaklumkan bahawa bayaran melalui Elektronik Fund Transfer (EFT) ke dalam akaun tuan/puan telahpun dihantar ke bank untuk diproses dengan maklumat seperti berikut:

Nama Penerima	: CHE MUSTAFFA BIN CHE IBRAHIM
No. K.P/ Daftar Syarikat	: -
No. baucar Bayaran	: 193637
Amaun Bayaran	: *****2100.00
Perihal Bayaran	: BYRN PRGRM PEMERKASAAN KOMUNITI TEMBAGA
No. EFT / Tarikh	: 0157215/ 12/ 9/2023
Nama Bank	:
No Akaun Bank	: 3136069126
Nama Bank Pembayar	: BANK ISLAM MALAYSIA (INDUK)
Tarikh Bank Proses	: 12/ 9/2023

Sekian, terima kasih.

Jabatan Bendahari
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
KAMPUS KOTA

Ini adalah cetakan komputer. Tiada tandatangan diperlukan.

RM1200

KEDAI ANTIK

WAN HASSAN BIN WAN ABDULLAH

No. 127, Jalan Sultan Zainal Abidin, 20000 Kuala Terengganu, Terengganu..

Tel : 013-955 2355

BIL TUNAI


No. **0054**

Kepada : **EN. FAZIL AHMAD**

Tarikh : **3/8/2023**

KUANTITI	PERKARA	HARGA SEUNIT	JUMLAH
8	Logam Tembaga Tempa	RM 187.50	RM 1,500

JUMLAH RM **RM 1500/=**


TANDATANGAN PENJUAL

RM1500

No.32, Kg. Ladang Sekolah, Jln. Sultan Zainal Abidin, 32000 Kuala Terengganu.
Terengganu Darul Iman. Tel:/Fax : 09-6223311, 019-9837910

email : puterirakna@yahoo.com

CASH BILL

NO: 2709

Tarikh: 3/8/2023
Date : 3/8/2023

[illegible]

Jumlah Total	RM 1,500/-
--------------	------------

Diterima oleh/Received By

WANISMA CRAFT AND TRADING

RM1500



NORHARMAN BIN NORDIN

LOT PT 14485, TAMAN KO INSAF 2
PADANG NENAS, 21300 KUALA
TERENGGANU, TERENGGANU
(TR0148247-D)

NO H/P 0148186525

KEPADA
FAKULTI SAINS SOSIAL GUNAAN
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN
21030 KUALA NERUS TERENGGANU
UP: PROF MADYA. DR MUHAMAD FAZIL AHMAD (PENSYARAH)

INVOIS:

TARIKH	25	09	2023
FA 67967155			

No	Kuantiti	Keterangan	Harga (RM/unit)	Jumlah (RM)
1.	55	22/09/2023 -SARAPAN PAGI Keropok lekor 5 batang dan air kotak	RM 5.00	RM 275.00 RM 28.00
JUMLAH KESELURUHAN				RM303.00

SEMUA BAYARAN ATAS NAMA "NORHARMAN BIN NORDIN CIMB BANK NO ACC 7050826180"

Disediakan oleh

NORHARMAN BIN NORDIN
(TR0148247-D)
Lot PT11455 Taman Ko Insaaf 2,
Padang Nenas,
21300 Kuala Nerus, Terengganu
Tel: 014-818 6525

diterima oleh

RM303.00

RESIT TUNAINo B **125197****PERBADANAN KEMAJUAN KRAFTANGAN MALAYSIA**

Kompleks Kraf Kuala Lumpur
Seksyen 63, Jalan Conlay, 50450 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2162 7459. Faks: 603-2161 2622.

Pusat Pameran & Jualan

En. Mohamed Fazel bin Ahmad.

Kuantiti	KETERANGAN	Harga Seunit	Jumlah RM	
27set	Banku Moxf si Krenk 1kn (Soft cover)	RM19.00	RM 499.00	
			Jumlah Besar	RM 499.00

Barang-barang yang telah dijual tidak boleh dikembalikan.
Goods sold are not returnable.

TERIMA KASIH
THANK YOU

1/5/2003

Tarikh

Jurujual**RM499.00**



K&A SEPAKAT JAYA ENTERPRISE

TR0153505.T
B. 1301 KAMPUNG TEBAUK
21200 KUALA TERENGGANU

H/P: 013-976 2092

No 0000291

PAYMENT VOUCHER

BAYAR KEPADA / PAYEE: EN. FAZIL AHMAD

DATE: 3/8/2023

INVOICE NO.	PARTICULARS	AMOUNT
	Rm 500 X 2 Hari	
JUMLAH WANG TUNAI / AMOUNT OF CASH	RINGGIT MALAYSIA	RM RM 1000.00
NO. CEK / CHEQUE NO.	RINGGIT MALAYSIA	RM SEN

APPROVED BY: _____

RECEIVED BY: _____

K & A SEPAKAT JAYA ENTERPRISE
(TRADING COMPANY)
B 979, KG FENGKALAN BATU
BUKIT TUNGGAH
21200 KUALA NERUS, TERENGGANU
TEL: 013-999 0578

RM1000